

DASAR PRIVASI DAN COOKIES

«FOREX CLUB INTERNATIONAL LIMITED» (registration No. 1529 CTD 2014)
The Financial Services Centre, P.O. Box 1823, Stoney Ground,
Kingstown, VC0100, St. Vincent & the Grenadines

Phone: +7 (495) 727-06-06° Fax: +7 (495) 727-06-06° Email: info@libertex.org° Website: Libertex.org

DASAR PRIVASI DAN COOKIES

Libertex (libertex.com) adalah nama jenama FOREX CLUB INTERNATIONAL LIMITED (No. pendaftaran 1529 CTD 2014) (selepas ini disebut: "Kami", "Libertex", "Syarikat"). Pejabat FOREX CLUB INTERNATIONAL LIMITED terletak di Stoney Ground, Kingstown, VC0100, St. Vincent & the Grenadines, P.O. Box 1823, .

Bagai membantu Libertex memahami keperluan pelanggan dan meningkatkan perkhidmatan, data yang dikumpulkan di laman web ini akan disimpan pada pangkalan data keselamatan Libertex. Semua data pelanggan yang disimpan pada pelayan Libertex mematuhi keperluan berkanun. Kami tidak akan tirkikan data ini kepada mana-mana syarikat atau pihak ketiga.

KESELAMATAN

Kami melaksanakan pelbagai prosedur keselamatan seperti yang dinyatakan di dalam polisi ini.

Libertex berusaha untuk melindungi maklumat dan memastikan bahawa privasi anda dilindungi dan mematuhi prosedur keselamatan yang ketat. Pelayan kami, hanya boleh diakses oleh kakitangan yang dibenarkan.

Meskipun Syarikat akan menggunakan segala usaha yang munasabah untuk melindungi maklumat anda, anda mengakui bahawa penggunaan internet tidak sepenuhnya selamat dan untuk itu, kami tidak dapat menjamin keselamatan atau integriti mana-mana data peribadi yang dipindahkan daripada anda, atau kepada anda menerusi internet.

PERSETUJUAN ANDA

Dengan menggunakan laman web kami dan membenarkan cookies pada pelayar yang anda berikan akses kepada maklumat tertentu atau menghantar secara manual maklumat anda kepada kami, anda bersetuju pada penggunaan maklumat seperti yang dinyatakan di dalam polisi ini. Jika kami mengubah dasar privasi, kami akan menyiarkan perubahan tersebut pada halaman ini, dan meletakkan notis di laman web lain, bagi membolehkan anda mengetahui maklumat yang kami kumpulkan dan bagaimana kami menggunakannya pada setiap masa. Penggunaan berterusan perkhidmatan ini menandakan bahawa anda bersetuju dengan sebarang perubahan yang dinyatakan.

MAKLUMAT TERKUMPUL

Apabila anda mengakses laman web kami, kami mengumpulkan maklumat asing dengan cara berikut:

LOG DATA

Apabila anda mengakses laman web, kami mengumpulkan maklumat pelayar setiap kali anda melawat laman web atau perkhidmatan dalam talian ("Log Data"). Log Data ini boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, alamat Protokol Internet komputer anda, jenis pelayar, laman web yang anda telah lawati sebelum anda melawat Laman Web dan maklumat yang anda cari di laman web dan Perkhidmatan ini. Di samping itu, jika anda mengakses Perkhidmatan melalui peranti mudah alih, kami mungkin mengumpul PushID, tertakluk kepada persetujuan seperti yang ditunjukkan dalam aplikasi mudah alih dan Mobile IP.

COOKIES

Cookies adalah fail teks kecil yang disimpan oleh pelayar pada komputer atau peranti apabila anda melawat laman atau melaksanakan tindakan tertentu di laman ini atau di laman web lain. Ia digunakan untuk membantu pelayar mengingati pilihan dan memaparkan maklumat yang betul untuk anda - seperti item dalam simpanan - dan tidak melayan anda sebagai pelawat baru setiap kali anda melawat laman web.

Sesetengah cookies hanya ditetapkan untuk tempoh lawatan ("session cookies") bagi membantu anda dengan persekitaran dan memberikan maklumat yang relevan. Lain-lain cookies ditetapkan untuk tempoh yang lebih lama ("persistent cookies") bagi membolehkan pelayar mengingati pilihan anda dari lawatan sebelumnya. Cookies yang disimpan tidak merosakkan peranti anda, dan ia adalah tanpa nama, serta unik kepada pelayar tertentu.

«FOREX CLUB INTERNATIONAL LIMITED» (registration No. 1529 CTD 2014)

The Financial Services Centre, P.O. Box 1823, Stoney Ground,

Kingstown, VC0100, St. Vincent & the Grenadines

Phone: +7 (495) 727-06-06° Fax: +7 (495) 727-06-06° Email: info@libertex.org ° Website: Libertex.org

Anda boleh memilih untuk nyahdayakan atau menyekat cookies ini pada pelayar anda tetapi tanpanya laman web kami tidak akan berfungsi sepenuhnya. Untuk maklumat lanjut mengenai cookies sila layari www.allaboutcookies.org.

BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN COOKIES?

Di Libertex kami menggunakan cookies untuk membantu mencari perkhidmatan yang mungkin anda minat dan mengingati butiran aplikasi anda. Kami tidak menyimpan maklumat sensitif seperti nama atau alamat anda dalam cookies kami, dan ia hanya dianggap sebagai rujukan untuk perkhidmatan.

Kami turut menetapkan cookies bagi membantu anda menavigasi laman web, meningkatkan pengalaman, atau memberikan maklumat penting pada perkhidmatan.

COOKIES PIHAK KETIGA

Dalam usaha untuk memberikan anda pengalaman terbaik, kami bekerjasama dengan beberapa pihak ketiga bagi membantu mengumpul statistik pelawat tentang bagaimana laman web kami digunakan dan menyediakan anda dengan maklumat lanjut yang mungkin menarik minat anda. Sebagai sebahagian daripada proses ini rakan kongsi pihak ketiga kami mungkin menetapkan cookies mereka sendiri semasa lawatan anda.

Pihak Ketiga mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Google, Inc. (google.com/analytics/), Tealium Inc. (tealium.com), Mixpanel, Inc. (mixpanel.com), Salesforce.com, Inc. (salesforce.com).

TETAPAN COOKIES

Jika anda tidak mahu menerima beberapa kategori cookies di laman web Libertex, anda boleh memilih untuk beralih ke laman seterusnya. Kami perlu menetapkan cookies supaya kami boleh mengingati pilihan anda apabila anda melawat laman web dari pelayar yang sama. Pada masa ini kami membenarkan anda menguruskan tetapan antara pelayar dan peranti jadi anda akan perlu menukar tetapan ini daripada setiap pelayar yang anda gunakan.

Sila maklum, bahawa kami berusaha untuk menghormati pilihan anda, walau bagaimanapun, kemungkinan bahawa tidak semua cookies akan disimpan. Kami mengesyorkan anda untuk menukar tetapan cookies melalui pelayar; ikuti panduan pada pelayar anda.

Perhatian: kebanyakan laman web kami beroperasi tanpa cookies, tetapi anda akan kehilangan beberapa ciri-ciri dan fungsi menarik jika anda memilih untuk nyahdayakan cookies.

GOOGLE ANALYTICS

Kami menggunakan Google Analytics pada laman web, iaitu perkhidmatan analitikal web yang disediakan oleh Google, Inc. ("Google"). Google Analytics digunakan bagi membantu kami mendapatkan data mengenai penggunaan laman web. Maklumat yang dijana oleh fail cookie mengenai penggunaan laman web ini (termasuk Alamat IP anda) akan dihantar dan disimpan pada pelayan Google di Amerika Syarikat. Google akan menggunakan maklumat ini untuk menilai penggunaan laman web, menyusun laporan aktiviti laman web untuk pengendali laman web serta menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan aktiviti laman web dan penggunaan internet. Google juga boleh memindahkan maklumat ini kepada pihak ketiga di mana dikehendaki untuk berbuat demikian oleh undang-undang, atau di mana pihak ketiga memproses maklumat bagi pihak Google. Anda boleh menolak penggunaan cookies dengan memilih tetapan yang sesuai pada pelayar anda, Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jika anda melakukannya, anda mungkin tidak dapat menggunakan fungsi penuh laman web. Dengan menggunakan laman web ini, anda bersetuju terhadap pemprosesan data berkaitan dengan anda oleh Google untuk tujuan yang dinyatakan di atas.

BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT

Kami menggunakan maklumat anda untuk (i) memantau dan menganalisis penggunaan laman web dan pentadbiran teknikal laman web, (ii) meningkatkan prestasi laman web, (iii) menghasilkan dan memperolehi data berguna serta maklumat tentang kepentingan, ciri-ciri, penggunaan dan tingkah laku pelawat kami.

Maklumat Agregat dan Maklumat Bukan Pengenalan. Kami mungkin berkongsi maklumat agregat, termasuk pertanyaan dan tawaran yang dihasilkan daripada penggunaan laman web ini, yang merangkumi maklumat asing dan Log Data, dengan pihak ketiga untuk analisis industri, profil demografi, serta pengiklanan yang disasarkan kepada produk dan perkhidmatan. Sebarang maklumat agregat yang dikongsi dalam konteks ini tidak mengandungi maklumat peribadi.

Pematuhan Undang-undang dan Penguatkuasaan Undang-undang. Kami bekerjasama dengan pegawai-pegawai kerajaan dan penguatkuasaan perundangan serta pihak swasta bagi menguatkuasakan dan mematuhi undang-undang.

Pemindahan Perniagaan. Kami boleh menjual, memindahkan atau berkongsi beberapa atau kesemua aset kami, termasuk Maklumat Peribadi dan Log Data anda, berkaitan dengan penggabungan, pengambilalihan, penyusunan semula atau penjualan semua atau sebahagian besar daripada saham atau aset kami, atau sekiranya Syarikat mengalami kerugian.

Selain itu, kami boleh menghantar notis privasi sampingan tambahan berhubung dengan perkhidmatan khusus.

TEMPOH PENYIMPANAN MAKLUMAT

Kami tidak akan menyimpan maklumat anda dalam tempoh lama daripada yang diperlukan. Dalam pelbagai perkara, maklumat hendaklah disimpan untuk jangka masa tertentu. Tempoh pengekalan akan ditentukan dengan mengambil kira jenis maklumat yang dikumpulkan dan tujuan ia dikumpul, dengan mengambil kira keperluan berkaitan dengan keadaan serta keperluan untuk melupuskan data lama, dan maklumat yang tidak digunakan dalam tempoh segera.

SKOP DASAR DAN LAMAN WEB PIHAK KETIGA

Polisi ini hanya terpakai kepada kami dan laman web ini. Kami tidak melaksanakan kawalan ke atas laman web lain, atau banner mahupun pautan dari laman web kami. Laman web lain, banner atau pautan boleh meletakkan cookies mereka sendiri atau fail lain pada komputer anda, mengumpul data atau mendapatkan maklumat peribadi daripada anda tertakluk kepada dasar privasi pihak ketiga. Kami menggalakkan anda untuk membaca polisi privasi dan terma pihak ketiga sebelum mengakses atau menggunakannya.

CARA MENGHUBUNGI KAMI

Kami mengalu-alukan pandangan anda mengenai laman web dan dasar privasi kami. Jika anda ingin menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan atau komen sila hantarkan e-mel ke info@libertex.org.